

B621:

PARLIMEN-MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 12 OKT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG SUPAYA JANGAN MEMUNGGU SEHINGGA DEWAN RAKYAT BERSIDANG UNTUK MENGADU TENTANG KETIDAK-CEKAPAN JABATAN -JABATAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA MEREKA MENGALAMI SEBARANG MASALAH BERKAITAN KETIDAK-CEKAPAN MANA-MANA JABATAN KERAJAN, MEREKA PERLU MENGADU SEGERA KEPADA KERAJAAN.

+INI ADALAH UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN BERTINDAK SEGERA MENYIASAT DAN MEMPERBAIKI KEADAAN,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SATU ADUAN SETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) SEMASA SOAL-JAWAB DI DEWAN RAKYAT.

ENCIK LIM MENGADI KONONNYA POLIS DI JOHOR TIDAK BERTINDAK SEGERA APABILA SATU ADUAN DIBUAT TENTANG SATU KES JENAYAH YANG DIKATAKAN MELIBATKAN PENDATANG HARAM. BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA KERAJAAN MENUBUHKAN SEBUAH BIRO KHUSUS BAGI MENGENDALIKAN ADUAN-ADUAN TENTANG KETIDAK-CEKAPAN JABATAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENOLAK SYOR INI ATAS ALASAN ADALAH SUKAR DILAKSANAKAN LEBIH-LEBIH LAGI BAGI MENYIASAT KETIDAK-CEKAPAN JABATAN KERAJAAN. --LAGI 1826/OM

B622:

PARLIMEN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+APATAH LAGI BAGI KITA HENDAK MENGUKUR ATAU MENGADAKAN UKURAN TENTANG KETIDAK-CEKAPAN . APAKAH MASA 10 MINIT, 15 MINIT ATAU 30 MINIT BAGI POLIS DATANG MENYIASAT ITU DIANGGAP CEKAP ATAU TIDAK CEKAP.....+ TANYA BELIAU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENJELASKAN BIASANYA KERAJAAN BERPANDUAN KEPADA ADUAN-ADUAN YANG DITERIMANYA SECARA GARIS PANDUAN TENTANG KECEKAPAN KERAJAAN SELURUHANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN ENCIK SEE LAM THYE (DAP - KUALA LUMPUR BANDAR) TENTANG SATU SURAT ADUAN YANG DITULIS KEPADA BELIAU (PERDANA MENTERI) DUA BULAN LALU TETAPI SEHINGGA INI TIDAK MENDAPAT SEBARANG JAWAPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMANG SUDAH MENERIMA SURAT TERSEBUT +TETAPI SURAT INI SUSAH DIJAWAB KERANA SAYA TIDAK MAHU IA DIJADIKAN BAHAN PERBAHASAN YANG BOLEH MENJEJASKAN PERASAAN PIHAK PIHAK TERTENTU.

+BAGI MENJAWAB SURAT-SURAT DARI PIHAK PEMBANGKANG SAYA PERLU BERHATI-HATI KERANA TIDAK PASTI SAMA ADA IA BENAR-BENAR ADUAN ATAU MEMPUNYAI UDANG DISEBALIK BATU,+ TAMBAHNYA. --LAGI 1834/OM

PARLIMEN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN WAN MOHAMAD NAJIB MOHAMAD (BN-PASIR PUTEH) PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK BERHAJAT BERTINDAK SEBAGAI "BIG BROTHER" DENGAN MENEMPATKAN PARA PEGAWAI PERISIK DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN UNTUK MENGINTIP KAKITANGAN KERAJAANNSEMASA BERTUGAS.

"LANGKAH INI BELUM PASTI MENCAPAI MATLAMAT MENINGKATKAN KECEKAPAN KAKITANGAN KERAJAAN MALAH SEBALIKNYA BOLEH DISALANGUNAKAN," TEGASNYA.

SEBELUM ITU, MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK ISMAIL SAID (BN-KEMAMAN) PERDANA MENTERI TELAH MENGHURAIKAN SECARA UMUM KRITERIA-KRITERIA BAGI PENTADBIRAN YANG CEKAP, BERSIH DAN AMANAH.

KRITERIA-KRITERIA ITU IALAH:

+ PENTADBIRAN YANG CEKAP IALAH ORGANISASI YANG BERDAYA, BERTENAGA DAN TAHU BAGAIMANA HENDAK MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN PANTAS DAN BERKESAN UNTUK MENCAPAI SESUATU MATLAMAT.,

+ PENTADBIRAN YANG BERSIH IALAH SESUATU TUGAS YANG DIJALANKAN ITU TIDAK MENYELEWENG BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DENGAN CARA MENYALANGUNAKAN KUASA DAN PENGARUH KEDUDUKAN RASMI., DAN

+ SIFAT AMANAH DALAM PENTADBIRAN MEMERLUKAN SESEORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN PENUH JUJUR DAN IKHLAS.

-- LAGI 1823/LK

B624:

PARLIMEN-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BAHAWA PENTADBIRAN NEGARA MASIH BOLEH DIPERBAIKI DAN MALAH PERLU DIPERTINGKATKAN.

"CARA DAN CORAK PENTADBIRAN JUGA PERLU DIUBAHSUAIKAN MENGIKUT PEREDARAN DAN KEPERLUAN SEMASA.

"SAYA YAKIN PENTADBIRAN KITA AKAN MENJADI LEBIH DINAMIK SEKIRANYA SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DAN MASYARAKAT BEKERJASAMA BERTA BEKERJA KUAT UNTUK MENJADIKANNYA BENAR-BENAR BERSIH, CEKAP DAN AMANAH," TEGASNYA.

-- BERNAMA 1825/LK